

# SunCon raih kontrak RM496.8 juta

**Sunway** Construction Group Bhd (SunCon) memperoleh tiga kontrak bernilai RM496.8 juta, menjadikan jumlah penambahan nilai perolehan kontrak bagi tahun kewangan 2019 kepada RM1.536 bilion, melebihi sasaran awalnya sebanyak RM1.5 bilion.

Dalam kenyataan semalam, SunCon berkata, kontrak pertama, bernilai RM310 juta, diberikan oleh Petronas Management Training Sdn Bhd membabitkan pembinaan dan penyiapan Pusat Kepimpinan Petronas di Bangi, yang akan bermula pada 1 Ogos 2019 dan akan siap pada 31 Mac 2021.

Projek kedua diberikan oleh anak syarikat Sunway Bhd, Sunway South Quay Sdn Bhd yang membabitkan kerja cerucuk bagi projek pembangunan bercampur di Bandar Sunway bernilai RM119 juta, katanya.

Projek itu dijadual bermula 15 Julai 2019 dan dijangka siap pada 14 Mac 2021.

SunCon berkata, projek ketiga itu adalah daripada Oxley Rising Sdn Bhd, untuk membekalkan elektrik, mekanikal dan sistem voltan rendah elektrik bagi projek komersial bercampur terdiri daripada suite, hotel dan blok pejabat di Jalan Ampang, bernilai RM67.8 juta.

**BERNAMA**